

PM bidas ketua pembangkang kritik isu subsidi

Tokyo: Datuk Seri Anwar Ibrahim membidas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin yang mengkritik rasionalisasi subsidi diesel, menyifatkan Setiausaha Agung Perikatan Nasional (PN) itu sibuk mempertahankan golongan kaya dan warga asing.

Perdana Menteri berkata, rasionalisasi subsidi diesel disasarkan kepada golongan kaya dan orang asing, manakala rakyat yang terkesan akan diberikan bantuan oleh kerajaan.

“Kenapa dia sibuk mempertahankan golongan kaya dan orang luar? Adakah PN akan terus memberikan subsidi kepada golongan kaya dan orang luar (sekiranya berkuasa)?

“Ini yang akan membuatkan rakyat tak senang duduk sekiranya subsidi terus dibagi kepada golongan kaya dan orang luar,” katanya.

Anwar berkata, adalah biasa apabila Perdana Menteri mengumumkan sesuatu dasar, menteri berkaitan akan memberikan perincian.

“Beliau (Hamzah) pernah menjadi menteri, kenapa dia tanya soalan sebegitu?” soal Anwar.

Selasa lalu, Perdana Menteri menerusi Perutusan Negara, mengumumkan kerajaan bersejajarnya memperkenalkan penyiasatan subsidi bahan api diesel yang akan hanya membabitkan pengguna di Semenanjung.

Bagi mengelakkan sebarang kenaikan drastik dalam kos barangan dan perkhidmatan, Anwar berkata, subsidi diesel akan turut diberikan kepada

peniaga yang menggunakan kenderaan komersial tertentu.

Ia membabitkan 10 kategori pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barang, selain subsidi diesel kepada kategori nelayan tertentu dan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan berenjin diesel yang layak.

Majoriti tak terima kesan

Dalam perutusan itu, Perdana Menteri turut memberi jaminan, majoriti rakyat tidak menerima kesan sebaliknya kekal meraih manfaat subsidi dan menegaskan, penyiasatan itu perlu dijayakan untuk menyusun semula struktur kewangan negara.

Terdahulu dalam temu bual Bloomberg Television di Forum Ekonomi Qatar pada 14 Mei lalu, Anwar berkata, penyiasatan subsidi bahan api akan dilakukan pada masa yang tepat.

Bagaimanapun, Hamzah dalam reaksi kepada Perutusan Negara, menyifatkan Perdana Menteri tidak menjawab persoalan berkaitan penyiasatan subsidi bahan api, gagal menjelaskan bila penguatkuasaan dan mekanisme kerajaan dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat.

Mendakwa langkah itu akan memberi kesan menyeluruh kerana ia membabitkan keseluruhan rantai ekonomi, beliau juga menyifatkan mesej Anwar dalam perutusan itu sebagai ‘tidak melegakan rakyat yang sedang dihimpit kesan kenaikan kos sara hidup’.